



SEBAHAGIAN peserta seminar 'Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan' di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Manhaj fatwa sejauh mana peranan ulama?

OLEH WAN RAHIMAN DRAMAN
GAMBAR HUSSIN IBRAHIM &
ZHAFARAN NASIB

RAGAM & PENGAJARAN

CABARAN hidup era kini semakin hebat. Perkembangan ilmu yang mencetuskan kemajuan sains dan teknologi dengan pelbagai penemuan baru telah dan akan terus melingkari kehidupan ummah.

Mahu atau tidak, lambat atau cepat ia tetap akan mempengaruhi dan menguasai hidup manusia, termasuk umat Islam.

Tetapi ada ketikanya perkembangan dan kemajuan melalui pelbagai penemuan baru dari ilmu itu agak meragukan malah mungkin bercanggah dengan agama, adat, budaya mahupun keselamatan ummah itu sendiri.

Walaupun al-Quran yang diiringkan dengan al-sunah sebagai penjelasan sudah termaktub sebagai sumber rujukan yang relevan sepanjang zaman, namun umat Islam tetap mendambakan fatwa semasa bagi menjelaskan batasan dan hukum hakam dalam agama ekoran kemajuan ilmu.

Jadi para ulama dan cerdik pandai Islam harus bertanggungjawab untuk

memainkan peranan ini melalui ijmak, ijihad dan fatwa bagi menangani permasalahan ummah semasa.

Seperti kata ahli Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah (ECRF), Prof. Dr. Ahmad Ali al-Imam, tanggungjawab terhadap setiap permasalahan ummah kini terpikul sepenuhnya di bahu para ulama.

Untuk itu tegas beliau, ulama dan cendekiawan Islam mesti peka terhadap setiap isu dan perkembangan semasa yang terhasil dari kemajuan ilmu serta pencapaian sains dan teknologi.

Para ulama kata Ahmad, tidak boleh terlalu jumud dan fanatik dengan satu-satu fahaman yang dianutinya sahaja.

"Islam adalah agama terbuka untuk semua manusia dan setiap pernyataan hukum serta fatwanya mestilah yang relevan dengan tuntutan semasa ummah.

"Dalam masa yang sama, al-Quran dan al-sunah mestilah dikembalikan sebagai sumber rujukan paling utama dalam setiap ijihad dan fatwa berkaitan," tegasnya yang juga Penasihat al-Ta'sil

al-Shar'i dan Pengerusi Majma' Fiqh Islami Sudan.

Untuk itu tambah beliau, para ulama dan cendekiawan Islam mesti mahir dan tahu dalam semua disiplin ilmu, bukan hanya terikat kepada sesuatu bidang ilmu sahaja.

Ahmad berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Seminar dua hari itu adalah anjuran bersama Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Seramai 200 peserta terdiri daripada mufti-mufti, pegawai-pegawai Jabatan Mufti, Ahli Majlis Fatwa, wakil-wakil jabatan agama dan Kehakiman Syarie serta ahli akademik dari institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara turut serta. Sebanyak 18 kertas kerja dibentangkan oleh ulama dan cendekiawan Islam tempatan dan asing.

Menurut Ahmad, metodologi penting pada ulama dan majlis fatwa dalam memutuskan dan mengeluarkan sesuatu fatwa untuk permasalahan ummah mestilah mereka yang benar-benar faham dengan isu-isu semasa yang penting dan



PROF. DR. AHMAD ALI AL-IMAM